



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN KE ATAS  
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**KETETAPAN UMUM NO. 1/ 2014**

**TARIKH KELUARAN: 23 JANUARI 2014**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN KE ATAS  
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Ketetapan Umum No. 1/2014  
Tarikh Keluaran: 23 Januari 2014**

---

Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 23 Januari 2014  
(Ketetapan Umum No. 4/2005  
bertarikh 12.9.2005, Tambahan  
kepada Ketetapan Umum No. 4/2005  
bertarikh 30.11.2007 dan Tambahan  
Kedua kepada Ketetapan Umum No.  
4/2005 bertarikh pada 4.1.2010 telah  
digantikan dengan penerbitan Edisi  
Pertama ini)

Edisi pertama pada 23 Januari 2014

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian  
jua daripada penerbitan ini boleh diterbit semula  
atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa  
cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa  
kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta.  
Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah  
diperoleh sebelum mana-mana bahagian  
penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh  
diperoleh semula dalam sebarang bentuk.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka surat</b>
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Berkaitan	4
4. Interpretasi	4
5. Pendapatan Kelas Khas Yang Dikenakan Cukai	5
6. Perolehan Pendapatan Kelas Khas	5
7. Perkhidmatan Yang Diberikan Berkaitan Dengan Penggunaan Atau Pemasangan Atau Pengendalian Aset	6
8. Nasihat Teknikal, Bantuan Atau Perkhidmatan Yang Diberikan Berkaitan Dengan Pengurusan Teknikal Atau Pentadbiran	8
9. Sewa Atau Pembayaran Lain Bagi Penggunaan Harta Alih	13
10. Pembayaran Ganti	16
11. Pembayaran Atau Perbelanjaan Tunai Langsung	17
12. Deposit Dan Pembayaran Pendahuluan	20
13. Pembayaran Yang Tidak Tertakluk Kepada Cukai Pegangan	22
14. Kadar Cukai	25
15. Meremitkan Cukai Yang Telah Dipotong	27
16. Kegagalan Memotong Dan Meremit Cukai	29
17. Rayuan Oleh Pembayar Atas Bayaran Cukai Pegangan	41
18. Pemeriksaan Transaksi	41
19. Penjelasan Mengenai Tarikh Akhir Bayaran	41
20. Glosari	42



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**CUKAI PEGANGAN KE ATAS  
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Ketetapan Umum No. 1/2014  
Tarikh Keluaran: 23 Januari 2014**

### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

**1. Objektif**

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan -

- (a) pendapatan kelas khas yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967),
- (b) potongan cukai daripada pendapatan kelas khas, dan
- (c) kegagalan memotong dan meremitkan cukai yang telah dipotong daripada pendapatan kelas khas.

**2. Ringkasan Pindaan**

Ketetapan ini diterbitkan untuk menggantikan Ketetapan Umum No. 4/2005 yang dikeluarkan pada 12.9.2005, Tambahan kepada Ketetapan Umum No. 4/2005 yang dikeluarkan pada 30.11.2007 dan Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No. 4/2005 yang dikeluarkan pada 4.1.2010. Pindaan yang dibuat kepada Ketetapan-Ketetapan Umum tersebut adalah diringkaskan seperti berikut:

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2005	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
3.1	4.2	Dinomborkan semula	
3.2	20.1		
3.3	20.2		
3.6	20.4		
3.9	20.5		
3.4	4.3	Digantikan	Penjelasan
3.5	20.3		
3.7	Tiada	Dibatalkan	
3.8			
Tiada	4.1	Baharu	Penjelasan
	4.4		
4	5	Dinomborkan semula	
5	6		

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2005	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
5.3	6.3	Contoh 1 yang terdahulu digantikan	Penjelasan
6	7	Dinomborkan semula	
7	8		
7.5	8.5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digantikan</li> <li>Contoh 12 baharu dimasukkan</li> </ul>	Penjelasan
8	9	Dinomborkan semula	
8.1	9.1	Digantikan	Penjelasan
9	10	Dinomborkan semula	
Tiada	10.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Baharu</li> <li>Contoh 12 yang terdahulu digantikan dengan Contoh 13</li> </ul>	Penjelasan (Baharu)
	10.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Baharu</li> <li>Contoh 14 yang baharu dimasukkan</li> </ul>	
10	11	Dinomborkan semula	
10.1	11.1	Digantikan	Penjelasan
Tiada	11.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Baharu</li> <li>Contoh 13 yang terdahulu digantikan dengan Contoh 15</li> <li>Contoh 14 yang terdahulu dinomborkan semula kepada Contoh 16</li> </ul>	

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2005	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
Tiada	11.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Baharu</li> <li>Contoh 1 yang terdahulu dalam Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No. 4/2005 dinomborkan semula kepada Contoh 17</li> </ul>	
11	12	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dinomborkan semula</li> <li>Contoh 15 dan 16 yang terdahulu dinomborkan semula kepada Contoh 18 dan 19</li> </ul>	
12	13	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dinomborkan semula</li> <li>Contoh 17 hingga 20 yang terdahulu dinomborkan semula kepada Contoh 20 hingga 23</li> </ul>	
13	14	Dinomborkan semula	
13.1	14.1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digantikan</li> <li>Contoh 21 dan 22 yang terdahulu digantikan dengan Contoh 24 dan 25</li> </ul>	Penjelasan
14	15	Dinomborkan semula	
14.1	15.1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Digantikan</li> <li>Contoh 23 yang terdahulu digantikan dengan Contoh 26</li> </ul>	Penjelasan
14.3	15.3		

Perenggan Dalam Ketetapan Umum No. 4/2005	Pindaan Dalam Ketetapan Ini		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
15	16	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Digantikan</li> <li>• Contoh 24 dan 25 yang terdahulu digantikan dengan Contoh 27 dan 29</li> <li>• Contoh 1 yang terdahulu dalam Tambahan kepada Ketetapan Umum No. 4/2005 digantikan dengan Contoh 28</li> <li>• Contoh 30,31,32,33, 34, 35 dan 36 yang baharu dimasukkan</li> </ul>	
Tiada	17	Baharu	Budget 2013
16	18	Dinomborkan semula	
Tiada	19	Baharu	Penjelasan
Tiada	20	Baharu	Penjelasan

### 3. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan ACP 1967 yang berkaitan kepada Ketetapan ini adalah seksyen 4A, perenggan 6(1)(e), seksyen 15A, subseksyen 24(8), perenggan 39(1)(j), seksyen 109B dan Bahagian V Jadual 1.

### 4. Interpretasi

Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:

- 4.1 "Individu" bermaksud orang biasa.
- 4.2 "Ketua Pengarah" bermaksud Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 4.3 "Orang" termasuk syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.



- 4.4 “Pesuruhjaya Khas” bermaksud Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan yang disebut dalam seksyen 98, ACP 1967.

## 5. Pendapatan Kelas Khas Yang dikenakan Cukai

Pendapatan orang yang tidak bermastautin daripada pendapatan kelas khas berikut adalah dikenakan cukai di Malaysia jika ianya diperolehi dari Malaysia:

- (a) amaun yang dibayar sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan oleh orang yang tidak bermastautin atau pekerjaanya berkaitan dengan:
  - (i) penggunaan harta atau hak yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin itu, atau
  - (ii) pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada orang yang tidak bermastautin itu [perenggan 4A(i), ACP 1967],
- (b) amaun yang dibayar kepada orang yang tidak bermastautin sebagai balasan bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran bagi mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial [perenggan 4A(ii), ACP 1967], atau
- (c) sewa atau bayaran lain yang dibuat kepada orang yang tidak bermastautin di bawah mana-mana perjanjian atau peraturan bagi penggunaan mana-mana harta alih [perenggan 4A(iii), ACP 1967].

## 6. Perolehan Pendapatan Kelas Khas

- 6.1 Pendapatan kasar berhubung dengan amaun yang dibayar di bawah perenggan 4A(i), 4A(ii) dan 4A(iii), ACP 1967 dianggap diperolehi dari Malaysia jika:
- (a) tanggungjawab pembayaran tersebut terletak pada Kerajaan atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan,
  - (b) tanggungjawab pembayaran tersebut terletak pada orang yang bermastautin di Malaysia bagi tahun asas tersebut, atau
  - (c) pembayaran tersebut dituntut sebagai caj atau belanja dalam akaun sebuah perniagaan yang dijalankan di Malaysia.
- 6.2 Pendapatan di bawah perenggan 4A(i) dan 4A(ii), ACP 1967 dianggap diperolehi daripada Malaysia jika perkhidmatan tersebut dilaksanakan di Malaysia.

- 6.3 Dalam kes di mana kontrak memerlukan pelaksanaan perkhidmatan di dalam dan juga di luar Malaysia, bahagian nilai kontrak yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia hendaklah ditentukan secara adil dan wajar. Pembahagian nilai kontrak ini hendaklah dibuat berdasarkan ke atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Adalah penting supaya nilai kontrak tersebut diagihkan secara munasabah berdasarkan fakta setiap kes kerana hanya bahagian nilai kontrak yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia sahaja tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967.

### Contoh 1

Syarikat Maju Sdn Bhd, sebuah syarikat Malaysia, telah menandatangani suatu perjanjian dengan Excel Ltd, sebuah syarikat yang tidak bermastautin, untuk menyediakan satu laporan yang memberi tumpuan khusus kepada struktur industri, keadaan pasaran dan nilai teknologi bagi Skim Geran Koridor Raya Multimedia. Pakar daripada Excel Ltd telah berada di Malaysia selama 6 hari bagi mengadakan perbincangan awal mengenai projek tersebut. Keseluruhan projek tersebut mengambil masa 42 hari. Jumlah fi yang dibayar bagi projek tersebut adalah RM20,000. Laporan tersebut kemudiannya disiapkan di luar Malaysia.

Bahagian nilai projek yang bersangkutan dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia dikira mengikut kos masa.

Jumlah fi bagi projek	RM20,000
Bilangan hari untuk keseluruhan projek	42 hari
Bilangan hari berada di Malaysia	6 hari
Kos masa di Malaysia	RM2,857.14 [6/42 x RM20,000]

Fi sebanyak RM2,857.14 adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 pada kadar 10%.

## 7. Perkhidmatan Yang Diberikan Berkaitan Dengan Penggunaan Atau Pemasangan Atau Pengendalian Aset [Perenggan 4A(i), ACP 1967]

- 7.1 Perenggan 4A(i), ACP 1967 terdiri daripada amaun yang dibayar sebagai balasan bagi perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia, yang diberikan oleh orang yang tidak bermastautin atau pekerjanya, berkaitan dengan:

- (a) penggunaan harta atau hak yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin itu, atau

- (b) pemasangan atau pengendalian mana-mana loji, jentera atau kelengkapan yang dibeli daripada orang yang tidak bermastautin itu.

Jika perkara di atas adalah berhubung dengan suatu projek kontrak yang dijalankan melalui sebuah establishmen tetap [di mana suatu Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) adalah berkaitan] atau di mana perniagaan di Malaysia wujud, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 107A, ACP 1967 adalah terpakai.

7.2 Berikut adalah contoh perkhidmatan yang menghasilkan pendapatan yang tergolong di bawah skop perenggan 4A(i), ACP 1967:

- (a) Menyediakan staf bagi perkhidmatan memberi nasihat atau penyeliaan

### Contoh 2

A Sdn Bhd membeli sebuah loji jana kuasa daripada B Ltd, sebuah syarikat yang tidak bermastautin. Syarat pembelian termasuk pemasangan loji tersebut oleh B Ltd. Bagi tujuan ini, B Ltd menghantar dua orang juruternya ke Malaysia untuk menyelia pemasangan dan pengendalian loji tersebut. Fi yang dibayar kepada B Ltd bagi perkhidmatan tersebut adalah RM100,000.

Fi yang dibayar kepada B Ltd, sebuah syarikat yang tidak bermastautin, adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar.

- (b) Perkhidmatan pemasangan dan urusan mentauliah

### Contoh 3

Champ Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di Jepun, menjual 3 unit dandang keluli tahan karat dengan harga RM1,000,000 kepada Doublesteel Sdn Bhd, sebuah syarikat pengeluar keluli di Malaysia. Adalah dipersetujui bahawa tambahan RM100,000 kena dibayar kepada Champ Ltd bagi perkhidmatan pemasangan dan urusan mentauliah dandang tersebut.

Jumlah RM100,000 itu dikenakan cukai di Malaysia di bawah perenggan 4A(i), ACP 1967. Oleh yang demikian, cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar tersebut hendaklah dipotong.

**8. Nasihat Teknikal, Bantuan Atau Perkhidmatan Yang Diberikan Berkaitan Dengan Pengurusan Teknikal Atau Pentadbiran [Perenggan 4A(ii), ACP 1967]**

- 8.1 Perenggan 4A(ii), ACP 1967 terdiri daripada amaun yang dibayar kepada orang yang tidak bermastautin sebagai balasan bagi nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan, yang dilaksanakan di Malaysia, dan diberikan berkaitan dengan pengurusan teknikal atau pentadbiran bagi mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial.
- 8.2 Skop pembayaran yang dibuat kepada orang yang tidak bermastautin di bawah perenggan 4A(ii,) ACP 1967 meliputi pembayaran untuk bantuan teknikal, bantuan bukan teknikal, perkhidmatan teknikal atau perkhidmatan bukan teknikal yang berhubung dengan duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial.
- 8.3 Nasihat teknikal, bantuan atau perkhidmatan yang diberikan berhubung dengan pengurusan teknikal berkaitan dengan mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial termasuk pemindahan atau penggunaan pakar atau pengetahuan khusus, kemahiran atau kepakaran. Contoh pengurusan teknikal termasuk persiapan pemasaran, perkhidmatan memberi nasihat dan perundangan, pembekalan staf teknikal dan perisian dan perkhidmatan teknikal di antara syarikat.
- 8.4 Pentadbiran akan meliputi perkhidmatan pengurusan atau perkhidmatan pentadbiran berkaitan dengan mana-mana duga niaga, usaha, projek atau skim yang bercorak saintifik, perindustrian atau komersial. Contoh pentadbiran termasuk bantuan bukan teknikal, perkhidmatan bukan teknikal, fungsi pengurusan dan pentadbiran seperti perancangan, pengarah, pengawalan, penyelarasan, perakaunan, perundingan pengurusan kewangan dan rundingan buruh. Walau bagaimanapun, agihan perbelanjaan:
- (a) oleh Ibu Pejabat yang tidak bermastautin kepada cawangannya di Malaysia, atau
  - (b) oleh syarikat induk yang tidak bermastautin kepada subsidiarinya di Malaysia

untuk perbelanjaan harian bagi pentadbiran atau perbelanjaan rutin adalah terkeluar daripada skop di atas jika dapat ditunjukkan bahawa pembayaran kepada Ibu Pejabat yang tidak bermastautin itu atau pembayaran kepada syarikat induk yang tidak bermastautin itu tidak ada kaitan dengan pelaksanaan mana-mana perkhidmatan pengkhususan.

#### Contoh 4

Koizumi Appliances Ltd, sebuah syarikat Jepun yang berdagang dalam barangan elektrik, mempunyai sebuah cawangan di Kuala Lumpur. Syarikat Jepun tersebut telah melaksanakan kerja-kerja perkeranian dan pentadbiran seperti menginvois dan menyimpan kira-kira untuk cawangannya di Kuala Lumpur dan mengenakan bayaran bulanan sebanyak RM3,000.

Oleh kerana kerja-kerja perkeranian dan pentadbiran seperti menginvois dan menyimpan kira-kira adalah sebahagian daripada perbelanjaan rutin harian dan tidak mempunyai kaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan pengkhususan oleh Ibu Pejabat di Jepun untuk cawangannya di Malaysia, perbelanjaan tersebut tidak tergolong di bawah skop seksyen 4A, ACP 1967 dan dengan itu tidak tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967.

- 8.5 Berikut adalah contoh perkhidmatan yang menghasilkan pendapatan yang tergolong di bawah skop perenggan 4A(ii), ACP 1967:
- (a) Perkhidmatan pengurusan dan pemasaran

#### Contoh 5

KMN International Hotel Management Ltd, sebuah syarikat dari negara Norway telah menandatangani suatu perjanjian dengan KMN Hotel (M) Sdn Bhd bagi membekalkan perkhidmatan pengurusan hotel dan pemasaran di Malaysia berkaitan dengan:

- (i) penyeliaan dan pengawalan pengurus besar,
- (ii) penyeliaan dan penyelarasan program latihan dan pembangunan kakitangan, dan
- (iii) pelan untuk mempromosi dan memasarkan hotel tersebut di Malaysia.

Di bawah syarat perjanjian, syarikat Malaysia akan membayar fi bulanan berdasarkan 5% daripada perolehan kasar kepada KMN International Hotel Management Ltd bagi perkhidmatan pengurusan dan pemasaran yang disediakan di Malaysia. Sebagai tambahan, fi tahunan sebanyak 2% atas jualan kasar luar negara akan dikenakan bagi perkhidmatan pemasaran yang dilaksanakan di luar negara.

Fi bulanan sebanyak 5% atas perolehan kasar adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 pada kadar 10%. Fi tahunan 2% atas pemasaran luar negara tidak

tertakluk kepada cukai pegangan kerana perkhidmatan tersebut tidak dilaksanakan di Malaysia.

- (b) Perkhidmatan perunding
  - (i) Fi untuk perkhidmatan perunding termasuk pembayaran ganti

#### **Contoh 6**

M & A Ltd, sebuah firma arkitek di London telah diupah untuk menyediakan suatu pelan bagi sebuah hospital di Kuala Lumpur. Staf firma tersebut telah datang ke Malaysia beberapa kali untuk memeriksa tapak, mengadakan perbincangan dengan syarikat tempatan dan akhirnya menyerahkan pelan induk tersebut. Pelan itu telah disediakan di pejabat firma di London. Adalah dipersetujui bahawa fi perunding berjumlah RM1,000,000 akan termasuk pembayaran ganti yang kena dibayar mengikut invois bulanan berdasarkan kemajuan kerja siap. Perjanjian juga memperuntukkan satu analisis bagi fi yang dikenakan.

Bahagian fi termasuk pembayaran ganti berhubung dengan perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967. Jika boleh disahkan bahawa M & A Ltd adalah bermastautin di United Kingdom bagi tujuan cukai, kadar cukai pegangan adalah 8% atas nilai perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia mengikut PPPDK di antara Malaysia dan United Kingdom.

- (ii) Fi untuk perkhidmatan perunding

#### **Contoh 7**

Jet Engineering (M) Sdn Bhd, menandatangani satu perjanjian dengan Jet Engineering Services (Asia) Pte Ltd, sebuah syarikat Singapura. Syarikat Singapura akan membekalkan pakar atau staf teknikal untuk menjalankan pemeriksaan kejuruteraan dan kerja-kerja pembetulan di Port Dickson, Kuantan dan Melaka bagi tempoh 2 bulan. Fi yang dipersetujui adalah RM300,000.

Fi sebanyak RM300,000 adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% kerana perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia.

- (iii) Fi bulanan untuk perkhidmatan perunding termasuk pembayaran ganti

#### **Contoh 8**

FGH (M) Sdn Bhd, adalah sebuah syarikat pembekal perkakasan dan perisian. Syarikat telah menandatangani suatu perjanjian dengan PQR Software Pte Ltd, sebuah syarikat India. PQR akan menyediakan staf untuk bekerja dengan FGH bagi membekalkan dan melaksanakan suatu Sistem Pengurusan Tunai Sepadu di sebuah bank Malaysia. Adalah dipersetujui bahawa FGH akan membayar fi bulanan termasuk pembayaran ganti seperti tiket kapal terbang, penginapan tempatan, makanan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan.

Fi tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar kerana perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia.

- (c) Perkhidmatan perundangan berkaitan dengan hutang atau peraturan agensi

#### **Contoh 9**

Sebuah firma perundangan di Singapura telah diupah oleh sebuah syarikat Malaysia untuk memberi nasihat mengenai suatu perjanjian pengurangan hutang dan suatu perjanjian agensi. Perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di Singapura.

Bayaran bagi perkhidmatan perundangan tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan kerana perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di luar Malaysia.

- (d) Perkhidmatan teknikal di antara syarikat

#### **Contoh 10**

Em Electric Canada Limited adalah sebuah syarikat multinasional yang berurusan dalam berbagai produk jenama dalam bidang telekomunikasi, pengurusan proses, penyelesaian peng storan, automasi industri dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Semasa melaksanakan projek untuk berbagai pelanggan di Malaysia, syarikat subsidiarinya di Malaysia iaitu Em Technology Sdn Bhd selalu meminta bantuan daripada syarikat induk atau syarikat subsidiari lain yang tidak bermastautin di Malaysia untuk menyediakan latihan teknikal, pengurusan projek dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

Staf daripada syarikat induk dan syarikat subsidiari lain tersebut akan ditugaskan bekerja di Malaysia untuk beberapa bulan atau kadangkala sehingga setahun bergantung kepada keperluan projek. Gaji staf yang ditugaskan itu akan dibiayai oleh syarikat induk atau syarikat subsidiari lain yang tidak bermastautin. Syarikat induk atau syarikat subsidiari tersebut akan mengeluarkan nota debit untuk mendapatkan kembali kos staf dan pembayaran ganti lain daripada Em Technology Sdn Bhd. Nota debit yang dikeluarkan dianggap sebagai agihan kos yang bergantung kepada jenis kerja yang terlibat.

Amaun nota debit tersebut adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar kerana perkhidmatan tersebut dilaksanakan sepenuhnya di Malaysia. Jika berlaku keadaan di mana sebahagian daripada perkhidmatan tersebut dilaksanakan di luar pesisir, hanya nilai perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia sahaja tertakluk kepada cukai pegangan.

- (e) Kursus latihan yang direka khas

#### **Contoh 11**

Sebuah syarikat pengurusan sumber manusia di Singapura telah diupah oleh sebuah syarikat Malaysia untuk mengendalikan kursus yang direka khas bagi memenuhi keperluan syarikat Malaysia tersebut. Kursus-kursus tersebut dikendalikan di Malaysia dan juga di Singapura. Pembayaran bagi kursus yang dikendalikan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967.

- (f) Perkhidmatan berkaitan dengan industri hiburan yang tidak terjatuh dalam skop penghibur awam

#### **Contoh 12**

Seorang peragawati daripada Amerika Syarikat tiba di Malaysia pada 12.1.2014 untuk sesi pengambilan gambar bagi sebuah majalah. Peragawati tersebut dibayar RM100,000 untuk sesi pengambilan gambar beliau bagi tempoh satu hari.

Fi yang diterima oleh peragawati tersebut daripada sesi pengambilan gambar untuk tujuan komersial dianggap sebagai pendapatan kelas khas kerana tiada unsur hiburan semasa pengambilan gambar beliau. Fi yang diterima oleh peragawati tersebut tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967.



### Nota

Pengambilan gambar peragawati biasanya digunakan dalam industri fesyen. Peragawati bergaya untuk seorang jurugambar di sebuah studio di mana beberapa gambar diambil untuk mencari gaya yang terbaik. Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

- (i) Menjadi peragawati untuk artikel majalah atau akhbar dan juga papan iklan,
- (ii) Mengiklankan produk sebuah syarikat yang digunakan oleh peragawati, dan
- (iii) Menjadi peragawati untuk memperagakan fesyen pakaian yang terbaharu untuk sebuah kedai atau pereka fesyen.

Pada kebiasaannya tiada unsur hiburan dalam sesi pengambilan gambar.

## 9. Sewa Atau Pembayaran Lain Bagi Penggunaan Harta Alih [Perenggan 4A(iii), ACP 1967]

9.1 Perenggan 4A(iii), ACP 1967 terdiri daripada sewa atau pembayaran lain yang dibuat kepada orang tidak bermastautin bagi penggunaan mana-mana harta alih termasuk sewa atau pembayaran lain yang dibuat bagi penggunaan pelantar penggerudian minyak, bot, kapal, kereta, kapal terbang atau lain-lain peralatan di dalam atau di luar Malaysia. Berikut adalah aktiviti yang tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967:

### (a) Penyewaan ruang (slot hire)

Penyewaan ruang (slot hire) adalah di mana penyewa mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan sesuatu ruang (slot) tertentu di dalam sebuah kapal di mana orang lain tidak berhak menggunakan ruang (slot) tersebut. Pembayaran yang dibayar untuk penyewaan ruang adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar.

### (b) Pajak kapal

Penggunaan eksklusif sesebuah kapal yang disewa khas sama ada kosong ataupun bersama anak-anak kapal. Pembayaran yang dibuat kepada orang tidak bermastautin yang menyewakan kapal itu tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967 dan ianya tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas penerimaan kasar.

(c) Sewa khas mengikut masa

Sewa khas mengikut masa adalah sesebuah kapal disewakan untuk suatu tempoh tertentu. Oleh itu, jika kapal tersebut disewakan, katakan untuk 3 tahun, cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar mestilah dipotong daripada pembayaran atau fi sewaan yang dibayar berhubung dengan penggunaan kapal tersebut.

(d) Sewa khas mengikut pelayaran

Sewa khas mengikut pelayaran adalah sesebuah kapal disewakan untuk suatu pelayaran tertentu, katakan dari Pelabuhan A ke Pelabuhan B. Jika sebuah kapal disewakan berhubung dengan suatu pelayaran tertentu, fi sewaan khas yang diterima adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas fi kasar.

9.2 Pendapatan berikut tidak tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967:

Caj tambang muatan

Caj tambang muatan yang dibayar kepada orang tidak bermastautin berhubung dengan pengeksportan barang-barang tidak tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967 kerana ia adalah fi untuk menghantar barang-barang dan bukan pembayaran bagi menggunakan harta alih.

9.3 Pendapatan yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 yang diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan adalah seperti berikut:

9.3.1 Aturan secara 'pool'

Orang tidak bermastautin memperolehi pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan secara 'pool' oleh sebuah syarikat bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo melalui laut adalah secara khusus dikecualikan daripada cukai pegangan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.25) 1995 [P.U.(A) 322/1995]. Oleh itu, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu.

9.3.2 Pendapatan diterima daripada syarikat perkapalan Malaysia

(a) Orang tidak bermastautin di Malaysia memperolehi pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 daripada syarikat

perkapalan Malaysia, yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan bagi penggunaan kapal diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2007 [P.U. (A) 58/2007].

Pendapatan penyewaan ini adalah yang berkaitan dengan penggunaan kapal berasaskan sewa khas mengikut pelayaran, sewa khas mengikut masa atau sewa khas kapal kosong. Oleh itu, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 2.9.2006.

- (b) Bagi tujuan pengecualian ini, perkataan di bawah mempunyai maksud berikut:

“Kapal” ertinya kapal pelayaran di lautan selain daripada feri, tongkang, bot tunda, kapal bekalan, bot kelasi, tongkang pengangkut, kapal korek, bot nelayan atau lain-lain kapal yang serupa,

“Kapal kosong” ertinya kapal disewakan tanpa awak-awak atau anak-anak kapal dan penyewa berhak mendapat penggunaan eksklusif kapal tersebut bagi sesuatu tempoh atau sesuatu pelayaran tertentu,

“Kapal Malaysia” ertinya kapal pelayaran di lautan yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, dan

“Syarikat perkapalan Malaysia” ertinya suatu syarikat bermastautin yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang memiliki kapal Malaysia dan menjalankan perniagaan -

- (i) mengangkut penumpang atau kargo melalui laut dengan kapal, atau
- (ii) menyewakan kapal.

### 9.3.3 Pendapatan penyewaan kontena Pertubuhan Piawaian Antarabangsa oleh suatu syarikat perkapalan Malaysia

Orang bukan bermastautin di Malaysia yang menerima pendapatan daripada penyewaan kontena Pertubuhan Piawaian Antarabangsa oleh syarikat perkapalan Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai pegangan mulai 20.10.2001 di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 24) 2002 [P.U.(A) 210/2002].

Bagi maksud subperenggan ini, syarikat perkapalan Malaysia adalah sama seperti ditakrif dalam subperenggan 9.3.2(b).

## 10. Pembayaran Ganti

- 10.1 Pembayaran ganti merujuk kepada pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung yang dilakukan oleh penerima -
- (a) di dalam memberi perkhidmatan kepada pembayar, atau
  - (b) berhubung dengan penggunaan mana-mana harta alih,
- di mana pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung tersebut kemudiannya akan dibayar ganti oleh pembayar. Perbelanjaan sedemikian termasuk kos tambang kapal terbang, perjalanan, penginapan, telefon dan caj salinan foto.
- 10.2 Pembayaran ganti adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak bagi perkhidmatan yang diberikan atau sebagai sebahagian daripada sewa atau pembayaran yang dibuat bagi penggunaan harta alih. Oleh yang demikian, ianya adalah pendapatan kepada penerima di bawah seksyen 4A, ACP 1967 dan tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar di bawah seksyen 109B, ACP 1967.
- 10.3 Sebelum 1.1.2009 pembayaran ganti atau pembayaran dan perbelanjaan tunai langsung berkaitan dengan penginapan hotel di Malaysia adalah sebahagian daripada pendapatan kasar yang terjatuh di bawah seksyen 4A, ACP 1967 dan tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% di bawah seksyen 109B, ACP 1967.

### Contoh 13

KJ Pte Ltd, sebuah syarikat Australia, memberi perkhidmatan teknikal kepada Pillarworks Sdn Bhd pada bulan Jun 2008. Perkhidmatan tersebut dilaksanakan di Malaysia. KJ Pte Ltd mengeluarkan satu invois bertarikh 15.7.2008 bernilai RM15,000 termasuk untuk pembayaran ganti kos tambang kapal terbang dan caj hotel berjumlah RM5,000 yang telah dilakukannya.

Perbelanjaan ini telah diklasifikasikan sebagai perbelanjaan perjalanan dan penginapan dalam akaun untung dan rugi Pillarworks Sdn Bhd.

Pembayaran ganti sebanyak RM5,000 adalah sebahagian daripada keseluruhan fi perkhidmatan teknikal, dan dengan itu, adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967. Oleh yang demikian, Pillarworks Sdn Bhd adalah bertanggungjawab untuk memegang cukai pada kadar 10% atas fi kasar berjumlah RM15,000 iaitu RM1,500.00 dan amaun ini hendaklah diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) dalam tempoh sebulan dari tarikh mengkredit fi teknikal bersih sebanyak RM13,500 kepada KJ Pte Ltd.

- 10.4 Mulai daripada 1.1.2009 pembayaran ganti atas penginapan hotel tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar yang terjatuh di bawah seksyen 4A, ACP 1967 untuk tujuan cukai pegangan. Pengecualian ini bertujuan mengurangkan kos perkhidmatan yang diberikan oleh orang tidak bermastautin. Penginapan hotel bermaksud penginapan di sebuah hotel, *apartment hotel*, *service apartment*, motel atau hostel.

#### Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali perkhidmatan dilakukan pada bulan Jun 2009. Invois bertarikh 15.7.2009 adalah untuk amaun RM15,000 termasuk pembayaran ganti untuk tambang kapal terbang dan hotel masing-masing berjumlah RM4,000 dan RM1,000.

Memandangkan pembayaran ganti untuk penginapan hotel tidak termasuk dalam fi perkhidmatan teknikal, pembayaran ganti tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan. Pillarworks Sdn Bhd bertanggungjawab untuk memegang 10% daripada fi kasar berjumlah RM14,000 iaitu RM1,400 dan meremit kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan dari tarikh kredit fi perkhidmatan teknikal berjumlah RM13,600 dibayar kepada KJ Pte Ltd.

### 11. Pembayaran Atau Perbelanjaan Tunai Langsung

- 11.1 Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung adalah perbelanjaan yang dilakukan oleh pembayar dan dibayar kepada pihak ketiga bagi pihak penerima -
- (a) berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh penerima, atau
  - (b) berhubung dengan penggunaan mana-mana harta alih.

Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung adalah diambil kira sebagai sebahagian daripada nilai kontrak bagi perkhidmatan yang diberikan atau sebagai sebahagian daripada sewa atau pembayaran yang dibuat bagi penggunaan harta alih. Oleh yang demikian, ianya adalah pendapatan kepada penerima di bawah seksyen 4A, ACP 1967 dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 pada kadar 10% atas amaun kasar.

- 11.2 Sebelum 1.1.2009, pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung atas penginapan hotel termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar yang terjatuh di bawah seksyen 4A, ACP 1967 untuk tujuan cukai pegangan.

#### Contoh 15

SH Pte Ltd, sebuah syarikat Singapura, telah memberikan perkhidmatan teknikal kepada Roadworks Sdn Bhd pada bulan September 2006.

Perkhidmatan tersebut dilaksanakan di Malaysia. SH Pte Ltd mengeluarkan satu invois bernilai RM1,000 pada 15.10.2006. Roadworks Sdn Bhd membayar kos tambang kapal terbang sebanyak RM500 untuk wakil syarikat SH Pte Ltd kepada syarikat penerbangan Singapura (SIA). Perbelanjaan ini diklasifikasikan sebagai perbelanjaan perjalanan dalam akaun untung dan rugi Roadworks Sdn Bhd. Sebaik sahaja menerima invois, Roadworks Sdn Bhd telah membayar RM900 kepada SH Pte Ltd dan kemudian meremitkan baki RM100 kepada KPHDN.

Pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung sebanyak RM500 yang dilakukan oleh Roadworks Sdn Bhd adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967. Walaupun pembayaran bagi tambang kapal terbang dibuat sepenuhnya kepada SIA, cukai pegangan berjumlah RM50 (10% daripada RM500) hendaklah dibiayai oleh pembayar dan amaun tersebut hendaklah diremitkan kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh pembayaran tambang kapal terbang tersebut. Jumlah amaun cukai pegangan yang sepatutnya dikenakan ke atas penerima adalah:

$$\begin{array}{r} \text{RM} \\ 10\% \times \text{RM}1,000 = 100.00 \\ 10\% \times \text{RM}500 = \underline{50.00} \\ \underline{150.00} \end{array}$$

Pembayar kemudian boleh mendapatkan kembali daripada SH Pte Ltd amaun cukai pegangan berjumlah RM50.00.

### Pemerhatian

Jika Roadworks Sdn Bhd tidak mendapat kembali cukai berjumlah RM50 daripada SH Pte Ltd, ini bermakna pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung sebanyak RM500 yang dilakukan oleh Roadworks Sdn Bhd dianggap sebagai amaun bersih selepas cukai. Oleh itu, Roadworks Sdn Bhd perlu mengkasarkan semula pembayaran RM500 untuk menentukan amaun sebenar cukai pegangan untuk dibayar. Pengkasaran semula dikira seperti berikut:

$$500 \times \frac{100}{90} = 555.55$$

Cukai pegangan ke atas RM500 adalah RM56 (RM556 tolak RM500) dan bukan RM50. Sila rujuk kepada perenggan 14.1 untuk keterangan lanjut.

### Contoh 16

Scanoil Co Ltd, sebuah syarikat daripada Sweden, telah memberi perkhidmatan teknikal kepada Malwell Malaysia Bhd. Perkhidmatan tersebut dilaksanakan di Malaysia dari 15.3.2005 hingga 24.3.2005. Di dalam melaksanakan perkhidmatan tersebut, wakil daripada Scanoil Co Ltd tinggal di Hotel Seri Malaysia di Kuala Lumpur. Malwell Malaysia Bhd membayar perbelanjaan penginapan hotel tersebut sebanyak RM2,000 terus kepada Hotel Seri Malaysia pada 24.3.2005. Sebaik sahaja perkhidmatan selesai, Scanoil Co Ltd mengeluarkan satu invois bertarikh 28.3.2005 bernilai RM150,000 kepada Malwell Malaysia Bhd bagi perkhidmatan yang diberikan. Malwell Malaysia Bhd menjelaskan fi perkhidmatan teknikal tersebut kepada Scanoil Co Ltd pada 15.4.2005 melalui satu pemindahan telegrafik.

Oleh kerana perkhidmatan teknikal tergolong di bawah skop seksyen 4A, ACP 1967 dan ianya tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967, Malwell Malaysia Bhd hendaklah meremitkan cukai pegangan yang dipotong sebanyak RM15,000.00 kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh pembayaran kepada Scanoil Co Ltd, iaitu selewat-lewatnya pada 14.5.2005.

Sebagai tambahan, perbelanjaan penginapan hotel sebanyak RM2,000 yang dilakukan dan dibayar terus kepada Hotel Seri Malaysia oleh Malwell Malaysia Bhd berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Scanoil Co Ltd adalah juga tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967. Oleh yang demikian, Malwell Malaysia Bhd hendaklah meremitkan cukai pegangan yang dikaitkan dengan perbelanjaan penginapan hotel berjumlah RM200.00 kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh pembayaran kepada Hotel Seri Malaysia, iaitu selewat-lewatnya pada 23.4.2005. Cukai pegangan atas perbelanjaan penginapan hotel dibayar oleh Malwell Malaysia Bhd terlebih dahulu dan kemudiannya memperolehinya kembali daripada Scanoil Co Ltd. Malwell Malaysia Bhd sepatutnya membayar RM134,800 sahaja kepada Scanoil Co Ltd, yang merupakan baki fi perkhidmatan teknikal selepas mengambil kira amaun cukai pegangan yang dibayar ke atas perbelanjaan penginapan hotel.

Pengiraannya adalah seperti di bawah:

	RM
Fi perkhidmatan teknikal	150,000
Perbelanjaan penginapan hotel	<u>2,000</u>
Jumlah yang tertakluk kepada cukai pegangan	152,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	<u>15,200</u>
	136,800
Tolak:	

Pembayaran kepada Hotel Seri Malaysia	<u>2,000</u>
Pembayaran patut dibayar kepada Scanoil Co Ltd	<u>134,800</u>

Cukai pegangan kena dibayar pada 23.4.2005	200
Cukai pegangan kena dibayar pada 14.5.2005	<u>15,000</u>
Jumlah cukai pegangan kena dibayar kepada KPHDN	<u>15,200</u>

- 11.3 Mulai daripada 1.1.2009, pembayaran atau perbelanjaan tunai langsung atas penginapan hotel tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan kasar yang terjatuh di bawah seksyen 4A, ACP 1967 untuk tujuan cukai pegangan. Tujuan pengecualian ini adalah sama dengan pembayaran ganti iaitu untuk mengurangkan kos perkhidmatan yang diberikan kepada bukan pemastautin.

#### Contoh 17

Melamin Sdn Bhd menggunakan perkhidmatan kejuruteraan Scan Ltd (sebuah syarikat Scandinavia) untuk memasang sebuah loji di kilangnya. Yuran perkhidmatan yang perlu dibayar adalah sebanyak USD50,000. Melamin Sdn Bhd juga dikehendaki membayar perbelanjaan penginapan di Hotel Hilton untuk dua orang jurutera Scan Ltd. Perkhidmatan dilaksanakan di Malaysia dari 10.1.2009 hingga 20.1.2009. Bil hotel sebanyak RM5,000 dibayar pada 21.1.2009. Amaun kena dibayar kepada Scan Ltd dibuat pada 29.1.2009 melalui pemindahan telegraf.

Oleh sebab perbelanjaan tunai langsung untuk penginapan hotel tidak lagi tertakluk kepada cukai pegangan, Melamin Sdn Bhd hanya perlu membayar cukai pegangan 10% atas amaun yuran perkhidmatan sahaja (USD50,000). Andai kata kadar pertukaran wang asing ialah USD1=RM3.10 pada 29.1.2009, amaun cukai dipegang dan bayaran perlu dijelaskan kepada Scan Ltd adalah seperti berikut:

	RM
Yuran perkhidmatan (USD50,000@3.10)	155,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	<u>15,500</u>
Bayaran perlu dijelaskan kepada Scan Ltd	<u>139,500</u>

Amaun cukai pegangan sebanyak RM15,500 hendaklah diremit kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 28.2.2009.

#### 12. Deposit Dan Pembayaran Pendahuluan

Deposit yang tidak dikembalikan dan pembayaran pendahuluan yang dibayar kepada penerima -

- (a) bagi perkhidmatan yang diberikan, atau



- (b) berhubung dengan penggunaan mana-mana harta alih

di bawah seksyen 4A, ACP 1967 adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967.

- (i) Bayaran pendahuluan

#### **Contoh 18**

Wise Solutions Pte Ltd, sebuah syarikat Amerika Syarikat, telah memberi perkhidmatan teknikal kepada Wawasan Sdn Bhd bernilai RM1,000,000. Staf Wise Solutions Pte Ltd melaksanakan perkhidmatan tersebut di Malaysia. Wawasan Sdn Bhd dikehendaki membuat pembayaran pendahuluan sebanyak 5% iaitu RM50,000 sebaik sahaja invois sementara dikeluarkan kepadanya supaya perkhidmatan boleh dimulakan.

Pembayaran pendahuluan berjumlah RM50,000 itu tertakluk kepada cukai pegangan. Wawasan Sdn Bhd bertanggungjawab untuk memegang 10% daripada pembayaran pendahuluan tersebut dan meremittkannya kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh pembayaran tersebut dikreditkan kepada Wise Solutions Pte Ltd iaitu menurut seksyen 109B, ACP 1967. Walaupun perkhidmatan belum bermula, pembayaran pendahuluan tersebut adalah dibuat semata-mata bagi perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan ia adalah sebahagian daripada amaun kasar yang kena dibayar bagi perkhidmatan.

- (ii) Deposit yang tidak dikembalikan

#### **Contoh 19**

Drillers Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian perkhidmatan teknikal dengan MP Pte Ltd dari Netherlands, bernilai RM1,000,000, di mana MP Pte Ltd akan melaksanakan perkhidmatan tersebut di Malaysia. Mengikut perjanjian tersebut, Drillers Sdn Bhd dikehendaki membayar deposit sebanyak 10% berjumlah RM100,000 sebaik sahaja perjanjian ditandatangani dan bakinya akan dibayar apabila invois dikeluarkan selepas perkhidmatan selesai dilaksanakan. Drillers Sdn Bhd sewajarnya membayar deposit tersebut kepada MP Pte Ltd.

Deposit sebanyak RM100,000 adalah tertakluk kepada cukai pegangan. Drillers Sdn Bhd adalah bertanggungjawab untuk memegang 10% daripada deposit tersebut dan meremittkannya kepada KPHDN dalam tempoh satu bulan dari tarikh pembayaran tersebut dikreditkan kepada MP Pte Ltd.

### 13. Pembayaran Yang Tidak Tertakluk Kepada Cukai Pegangan

13.1 Pembayaran lain kepada orang yang tidak bermastautin yang tidak tertakluk kepada cukai pegangan adalah seperti berikut:

- (a) Komisen yang dibayar kepada ejen komisen am yang tidak bermastautin untuk jualan (bagi urus niaga yang diuruskan di luar negara) yang dibuat bagi pihak syarikat atau individu dari Malaysia.

#### Contoh 20

Matrix Inc. sebuah agensi komisen am, berusaha untuk menjual di Jepun bagi pihak sebuah syarikat daripada Malaysia. Syarikat daripada Malaysia membayar komisen kepada syarikat tidak bermastautin tersebut (bukan syarikat berkaitan) berdasarkan jualan yang dibuat.

Pembayaran komisen kepada sebuah agensi komisen am yang tidak bermastautin tidak tergolong dalam skop pengenaan seksyen 4A, ACP 1967 dan dengan itu tidak tertakluk kepada cukai pegangan.

- (b) Fi jaminan bersangkutan dengan mana-mana pinjaman, keberhutangan atau komisen bagi surat kredit.

#### Contoh 21

Promissory Pte Ltd memberi jaminan kepada suatu pinjaman yang diambil oleh sebuah syarikat daripada Malaysia daripada sebuah bank di Singapura. Sebagai balasan kepada jaminan tersebut, syarikat daripada Malaysia telah membayar sejumlah wang sebagai fi jaminan kepada Promissory Pte Ltd.

Pembayaran fi jaminan tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan kerana ia tidak tergolong di bawah skop seksyen 4A, ACP 1967.

- (c) Deposit bagi perkhidmatan teknikal yang dibayar semasa menandatangani sesuatu perjanjian di mana deposit itu boleh diperolehi semula apabila perkhidmatan selesai, dan

#### Contoh 22

Projek Sdn Bhd telah menandatangani suatu perjanjian perkhidmatan teknikal bernilai RM1,000,000 dengan Professional Pte Ltd, sebuah syarikat dari Jerman, di mana Professional Pte Ltd akan melaksanakan perkhidmatan di Malaysia. Mengikut perjanjian yang ditandatangani, Projek Sdn Bhd dikehendaki membayar deposit

sebanyak 10% berjumlah RM100,000 sebaik sahaja menandatangani perjanjian tersebut. Deposit tersebut akan dikembalikan apabila perkhidmatan selesai dilaksanakan dan pembayaran penuh sebanyak RM1,000,000 akan dijelaskan bagi perkhidmatan teknikal yang telah diberikan.

Deposit tersebut tidak tertakluk kepada cukai pegangan kerana ia boleh diperolehi semula. Deposit yang boleh diperolehi semula bukanlah sebahagian daripada amaun kasar yang kena dibayar bagi perkhidmatan teknikal yang diberikan.

- (d) Perkhidmatan ujian untuk menyediakan hasil ujian atas produk siap bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan tetapi tidak melibatkan perkhidmatan nasihat teknikal atau perunding.

### Contoh 23

JC Safety Products Sdn Bhd membuat pembayaran kepada Inspec Ltd, sebuah syarikat yang berpangkalan di Switzerland, sebagai balasan bagi perkhidmatan ujian yang disediakan. Perkhidmatan ujian tersebut melibatkan penyediaan hasil ujian bagi tujuan pensijilan (akreditasi) produk siap JC.

Perkhidmatan ujian ke atas produk siap untuk memenuhi keperluan piawaian (akreditasi) tidak tergolong di bawah skop seksyen 4A, ACP 1967 kerana perkhidmatan ujian hanya melibatkan penyediaan hasil ujian dan tidak ada perkhidmatan nasihat teknikal atau perunding yang diberikan kepada JC Safety Products Sdn Bhd.

## 13.2 Pendapatan daripada syarikat berstatus MSC yang diluluskan

Untuk menggalakkan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia, Kerajaan telah menawarkan beberapa insentif kepada syarikat yang terlibat dalam bidang ini. Salah satu insentif adalah pengecualian cukai pegangan atas bayaran yang diterima oleh syarikat tidak bermastautin bagi nasihat teknikal atau perkhidmatan teknikal yang diberikan kepada syarikat berstatus MSC yang diluluskan. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1.10.2002.

Untuk tujuan pengecualian, Syarikat berstatus MSC yang diluluskan ialah syarikat yang:

- (a) dianugerahkan status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) oleh Kerajaan Malaysia, dan
- (b) terlibat dalam aktiviti hub penyelesaian IT serantau, pertukaran internet serantau, pusat data serantau, pusat data internet serantau

dan pusat panggilan serantau, dan terletak di dalam kawasan tertentu seperti Cyberjaya, Taman Teknologi Malaysia - Fasa 1, Universiti Putra Malaysia - Perbadanan Pembangunan Teknologi Inkubator 1 dan Menara Berkembar Petronas. [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2005, P.U.(A) 102/2005].

13.3 Pendapatan penyediaan latihan kepada rakyat Malaysia dalam bidang kepakaran tertentu, kraf dan seni pentas

Pendapatan yang diterima oleh pakar tidak bermastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam bidang seni pentas dan kraf adalah dikenakan cukai pegangan pada kadar 10% atas pendapatan kasar. Sebagai insentif untuk menarik lebih ramai pakar asing melatih rakyat Malaysia bagi meningkatkan mutu seni pentas dan penghasilan kraf, pendapatan pakar tidak bermastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam bidang kepakaran tertentu, kraf dan seni pentas adalah dikecualikan daripada cukai pegangan. Pengecualian ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima dan ditentukan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dari 1.10.2005 hingga 30.9.2010.

Bagi maksud pengecualian ini -

- (a) bidang kepakaran tertentu ialah muzik, koreografer, sinematografi, prop, set, kostum dan teknikal pentas,
- (b) kraf ialah apa-apa keluaran kesenian yang diserikan dengan daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan hasil daripada apa-apa proses yang secara langsung atau tidak langsung bergantung sepenuhnya atau sebahagiannya kepada kemahiran manual atau ketukangan, dan termasuk apa-apa keluaran batik, dan
- (c) seni pentas termasuk persembahan pentas di teater, muzik dan tari. [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 21) 2006, P.U.(A) 206/2006].

13.4 Pendapatan individu tidak bermastautin yang pakar dalam bidang kewangan Islam

Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC). Untuk mencapai hasrat ini, insentif bagi menarik pakar kewangan Islam yang terkenal di dunia untuk menyertai MIFC telah diperkenalkan. Sebagai insentif, pendapatan yang diterima oleh pakar kewangan Islam bukan bermastautin (ditentukan oleh Sekretariat MIFC) yang diklasifikasikan sebagai pendapatan di bawah perenggan 4A(ii) ACP 1967 adalah dikecualikan daripada cukai pegangan dari 8.9.2007 hingga 31.12.2016. [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2008, P.U.(A) 114/2008].

13.5 Pendapatan orang tidak bermastautin yang menyediakan latihan yang diluluskan oleh Menteri

Fi teknikal yang dibayar kepada orang tidak bermastautin adalah dikenakan cukai pegangan pada kadar 10% atas pendapatan kasar. Untuk memastikan golongan tenaga manusia mahir mencukupi dan meningkatkan daya saing profesional di Malaysia, Kerajaan memberi insentif cukai kepada orang tidak bermastautin yang menyediakan latihan teknikal kepada pekerja mana-mana orang yang bermastautin. Pendapatan yang diterima oleh orang tidak bermastautin adalah dikecualikan daripada cukai pegangan dari 30.8.2008 hingga 31.12.2012 jika orang tersebut menyediakan latihan teknikal di bawah program:

- (a) kursus lepasan ijazah dalam bidang teknologi maklumat, komunikasi, elektronik atau sains hayat,
- (b) kursus lepasan asas dalam bidang kejururawatan atau penjagaan kesihatan bersekutu, atau
- (c) kursus kejuruteraan penyelenggaraan kapal terbang.

Kursus yang disebutkan di atas mesti diluluskan oleh Menteri Kewangan. [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 3) 2009, P.U.(A) 262/2009].

14. **Kadar Cukai**

14.1 Cukai pendapatan akan dikenakan bagi setiap tahun taksiran atas pendapatan orang yang tidak bermastautin yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, ACP 1967 yang diperolehi dari Malaysia, pada kadar 10% atas amaun kasar.

Dalam kes di mana cukai pegangan atas bayaran yang dibuat kepada orang tidak bermastautin dibayar dan ditanggung oleh pembayar, bayaran itu dianggap sebagai amaun bersih selepas cukai. Dalam situasi ini, bayaran yang diterima oleh orang bukan bermastautin perlu dikasarkan semula untuk menentukan amaun pendapatan yang sepatutnya dikenakan cukai. Cukai pegangan harus dikira atas pendapatan yang dikasarkan.

- (a) Cukai pegangan ditanggung oleh penerima bayaran

**Contoh 24**

New World Pte Ltd, sebuah syarikat yang berpangkalan di Korea Selatan, telah memberi perkhidmatan teknikal kepada Teknik Sdn Bhd, bernilai RM150,000. Perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan di Malaysia dari 15.3.2012 sehingga 24.3.2012. Sebaik sahaja

perkhidmatan selesai, New World Pte Ltd mengeluarkan invois bertarikh 28.3.2012 kepada Teknik Sdn Bhd bagi perkhidmatan yang telah diberikan. Teknik Sdn Bhd menjelaskan fi perkhidmatan teknikal kepada New World Pte Ltd pada 15.4.2012.

Oleh kerana perkhidmatan teknikal tersebut tergolong di bawah skop seksyen 4A, ACP 1967 dan tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967, Teknik Sdn Bhd hendaklah memotong cukai pegangan seperti berikut:

	RM
Fi perkhidmatan teknikal	150,000
Tolak:	
Cukai pegangan (10%)	<u>15,000</u>
Bayaran kena dibayar kepada New World Pte Ltd	<u>135,000</u>

Teknik Sdn Bhd hendaklah meremitkan cukai pegangan yang dipotong berjumlah RM15,000.00 kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh pembayaran kepada New World Pte Ltd, iaitu selewat-lewatnya pada 14.5.2012. Amaun perkhidmatan teknikal yang boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan lapisan Teknik Sdn Bhd bagi tahun taksiran 2012 adalah sebanyak RM150,000.

- (b) Cukai pegangan ditanggung oleh pembayar

### Contoh 25

Fakta adalah sama seperti di Contoh 24 kecuali Teknik Sdn Bhd berjanji untuk membayar amaun penuh fi perkhidmatan teknikal berjumlah RM150,000 kepada New World Pte Ltd. Teknik Sdn Bhd juga bersetuju untuk menanggung dan membayar cukai pegangan New World Pte Ltd kepada KPHDN dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2012, Teknik Sdn Bhd telah menuntut kesemua amaun perbelanjaan tersebut yang terdiri daripada fi perkhidmatan teknikal dan juga cukai pegangan dalam akaun untung dan ruginya.

	RM
Fi perkhidmatan teknikal yang dibayar kepada New World Pte Ltd	150,000
Campur:	
Cukai pegangan yang dibayar kepada KPHDN	<u>15,000</u>
Amaun yang menuntut dalam akaun untung dan rugi	<u>165,000</u>

Walaupun Teknik Sdn Bhd telah menuntut sejumlah RM165,000 dalam akaun untung dan rugi syarikat bagi tahun berakhir

31.12.2012, KPHDN hanya boleh membenarkan sejumlah RM150,000.00 sahaja iaitu yang berkaitan dengan fi teknikal dalam mengira pendapatan larasan Teknik Sdn Bhd daripada mana-mana punca untuk tahun taksiran 2012. Cukai pegangan sebanyak RM15,000 yang ditanggung oleh Teknik Sdn Bhd bukannya perbelanjaan yang boleh dibenarkan kerana ia tidak dibelanjakan kesemuanya dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada punca tersebut.

- 14.2 Walau bagaimanapun, di mana PPPDK telah ditandatangani dengan sebuah negara tertentu, kadar istimewa dalam PPPDK itu akan diguna pakai seperti mana diterangkan dalam Contoh 6 Ketetapan Umum ini. Untuk menikmati kadar istimewa tersebut, surat pengesahan taraf mastautin penerima daripada Pihak Berkuasa Hasil negara yang berkenaan hendaklah dikemukakan.
- 14.3 Cukai ini adalah cukai muktamad. Walau bagaimanapun, jika seorang penerima yang tidak bermastautin mempunyai pendapatan daripada punca lain selain daripada pendapatan di bawah seksyen 4A, ACP 1967 beliau perlu memfail Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) M. Pendapatan di bawah seksyen 4A, ACP 1967 boleh dilaporkan dalam borang tersebut dan dalam kes ini pendapatan ini akan dikenakan cukai pada kadar 10% dan pelepasan di bawah seksyen 110, ACP 1967 akan diberikan terhadap cukai pegangan yang telah dibayar [perenggan 109B(3)(a), ACP 1967].

## 15. Meremitkan Cukai Yang Telah Dipotong

15.1 Seorang pembayar, biasanya orang yang menjalankan perniagaan di Malaysia, adalah bertanggung jawab untuk memotong dan meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 kepada KPHDN dan membayar amaun bersih tersebut kepada penerima (orang yang tidak bermastautin). Pembayar mesti membayar cukai pegangan yang telah dipotong itu kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh beliau membayar atau mengkredit kepada penerima. Pembayar dikehendaki menggunakan Borang C.P.37D dan melengkapkan butiran berikut:

- (a) Nama, alamat dan nombor rujukan cukai pendapatan pembayar,
- (b) Nama penuh, alamat, negara dan nombor rujukan cukai pendapatan penerima,
- (c) Salinan invois atau nota debit (jika berkenaan), dan
- (d) Slip kiriman wang atau bukti dokumen lain yang menunjukkan tarikh amaun dibayar atau dikreditkan.

Borang C.P.37D boleh dimuat turun daripada laman sesawang LHDNM di alamat <http://www.hasil.gov.my>.

**Contoh 26**

Bell Pte Ltd, yang bermastautin di Hong Kong telah memberikan perkhidmatan teknikal kepada Ark Sdn Bhd dalam tahun 2012, di mana Bell Pte Ltd telah melaksanakan perkhidmatan tersebut di Malaysia. Bell Pte Ltd mengeluarkan invois bertarikh 2.2.2012 bernilai RM1,000,000 bagi perkhidmatan yang telah diberikan. Ark Sdn Bhd menjelaskan bayaran pada 31.3.2012.

Mengikut peruntukan seksyen 109B, ACP 1967, Ark Sdn Bhd dikehendaki memotong cukai pegangan 10% daripada nilai kasar fi perkhidmatan teknikal yang berjumlah RM1,000,000 dan meremitkan cukai pegangan tersebut kepada KPHDN dalam tempoh sebulan dari tarikh bayaran dikredit iaitu pada 31.3.2012 kepada Bell Pte Ltd. Oleh yang demikian, cukai pegangan yang kena dibayar dalam kes ini adalah sebanyak RM100,000 dan mesti diremitkan kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 30.4.2012. Pembayaran cukai pegangan ini mesti diremitkan bersama-sama dengan Borang C.P.37D yang telah dilengkapi, salinan invois dan dokumen kiriman pembayaran (seperti slip bank, penyata bank, pemindahan telegrafik, draf bank dan lain-lain).

- 15.2 Pembayaran mesti dibuat di Cawangan Pungutan mengikut lokasi fail cukai pendapatan pembayar seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>ALAMAT</b>
Semenanjung Malaysia	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Pungutan Tingkat 15, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Duta, Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur
Sabah & WP Labuan	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Unit Pungutan, Tingkat Bawah, 3 & 4 Wisma Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman 88600 Kota Kinabalu
Sarawak	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Unit Pungutan Aras 3, 6, 7, 8 & 15 Wisma Ting Pek Khing No.1 Jalan Padungan 93100 Kuching



Berbeza daripada pembayaran cukai lain, cukai pegangan tidak boleh dibayar melalui bank.

- 15.3 Dalam kes di mana nombor rujukan cukai pendapatan penerima tidak diperolehi semasa melengkapkan Borang C.P.37D, pembayar tidak perlu melengkapkan ruang berkenaan. Pendaftaran nombor rujukan cukai pendapatan penerima akan dilakukan oleh Cawangan Pungutan sebaik sahaja Borang C.P.37D diterima. Jika perlu, pembayar boleh memohon untuk mendapatkan nombor rujukan cukai pendapatan untuk penerima daripada Cawangan Tidak Bermastautin dengan menghantar surat permohonan beserta maklumat penuh penerima melalui faksimili kepada:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Cawangan Tidak Bermastautin  
Tingkat 3, Blok 8, Kompleks Bangunan Kerajaan  
Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur  
No. faks : 03-6201 9745 / 6201 2417

- 15.4 Di bawah keadaan tertentu dan bergantung kepada merit sesuatu kes, KPHDN boleh membenarkan lanjutan masa bagi pembayaran cukai pegangan yang telah dipotong.

## 16. Kegagalan Memotong Dan Meremit Cukai

- 16.1 Di mana pembayar gagal memotong dan meremitkan apa-apa amaun cukai pegangan yang kena dibayar kepada KPHDN di bawah subseksyen 109B(1), ACP 1967, amaun yang gagal dibayar akan dinaikkan sebanyak 10% daripada bayaran yang tertakluk kepada potongan cukai dan jumlah amaun tersebut merupakan hutang beliau kepada Kerajaan dan kena dibayar dengan serta merta kepada KPHDN [subseksyen 109B(2), ACP 1967].

### Contoh 27

Golden Sdn Bhd gagal memotong dan meremitkan cukai sebanyak RM5,000 berhubung dengan suatu pembayaran sebanyak RM50,000 pada 30.9.2011 yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, ACP 1967 kepada Bright Spark Ltd (sebuah syarikat yang berpangkalan di Thailand). Amaun cukai pegangan yang gagal dibayar oleh Golden Sdn Bhd akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000). Jumlah keseluruhan sebanyak RM5,500 (cukai pegangan RM5,000 + amaun kenaikan RM500) merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

- 16.2 Sebelum 2.9.2006, amaun kenaikan yang dikenakan ke atas orang yang gagal memotong dan meremit apa-apa amaun cukai pegangan adalah bersamaan dengan 10% daripada amaun bayaran yang tertakluk kepada potongan.

### Contoh 28

Golden Sdn Bhd gagal memotong dan meremit cukai pegangan sebanyak RM5,000 atas bayaran RM50,000 yang tertakluk di bawah seksyen 4A, ACP 1967 kepada Bright Spark Ltd yang kena dibayar pada 1.6.2006. Jumlah amaun cukai pegangan yang Golden Sdn Bhd gagal bayar akan dinaikkan sebanyak RM5,000 (10% daripada RM50,000) dan jumlah keseluruhan sebanyak RM10,000 (cukai pegangan RM5,000 + amaun kenaikan RM5,000) merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

- 16.3 Di mana pembayaran berhubung dengan pendapatan seksyen 4A, ACP 1967 adalah tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 dan pembayar gagal memotong dan meremitkan cukai tersebut kepada KPHDN mengikut subseksyen 109B(1), ACP 1967, tuntutan ke atas pembayaran tersebut tidak akan dibenarkan sebagai perbelanjaan dalam mengira pendapatan larasan daripada mana-mana punca pendapatan pembayar (perenggan 39(1)(j), ACP 1967). Walau bagaimanapun, jika pembayar kemudiannya membayar amaun yang terhutang itu bersama-sama dengan amaun kenaikan (seperti mana dinyatakan dalam perenggan 16.1), pembayaran di bawah seksyen 4A, ACP 1967 tersebut boleh dibenarkan sebagai potongan [proviso kepada perenggan 39(1)(j), ACP 1967].
- 16.4 Mulai 1.1.2011 iaitu bagi tahun taksiran 2011, sebagai tambahan kepada penalti lewat bayar yang disebut dalam perenggan 16.1 di atas, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 jika –
- (a) potongan cukai pegangan dibuat atau dibayar selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan pembayaran pendapatan seksyen 4A, ACP 1967, dan
  - (b) potongan bagi perbelanjaan yang berkaitan dengan bayaran tersebut dituntut dalam BNCP yang dikemukakan atau dituntut dalam maklumat yang diberikan kepada KPHDN dalam mengira pendapatan larasan pembayar [proviso kepada perenggan 39(1)(j), ACP 1967].

Dalam erti kata lain, di bawah sistem taksir sendiri jika pembayar membuat potongan dalam BNCP untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan cukai pegangan (di mana BNCP telah difailkan dalam tempoh bagi tahun taksiran yang berkenaan) tetapi cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul (*incorrect returns*).

Begitu juga jika pembayar cukai membuat tuntutan ke atas perbelanjaan yang berkaitan dengan cukai pegangan (BNCP telah difailkan selepas tarikh

akhir penyerahan bagi tahun taksiran yang berkenaan) di mana cukai pegangan tidak dibayar atau diremitkan, KPHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 untuk maklumat yang tidak betul (*incorrect information*).

Walaupun perbelanjaan tersebut dilakukan di bawah subseksyen 33(1), ACP 1967, menurut perenggan 39(1)(j), ACP 1967 potongan hanya dibenarkan sekiranya cukai pegangan dibayar atau diremitkan kepada KPHDN.

### Contoh 29

Powerplant Pte Ltd, sebuah syarikat yang bermastautin di India, telah memberi perkhidmatan teknikal kepada Tokoh Sdn Bhd (tempoh perakaunan adalah sehingga 31 Disember setiap tahun) bernilai RM1,000,000. Powerplant Pte Ltd telah melakukan perkhidmatan tersebut pada Januari 2012. Tokoh Sdn Bhd membuat pembayaran sebanyak RM1,000,000 kepada Powerplant Pte Ltd pada 30.8.2012 tetapi tidak mematuhi peruntukan cukai pegangan yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut. BNCP bagi tahun taksiran 2012 dikemukakan kepada LHDN pada 1.7.2013 dengan pendapatan bercukai sebanyak RM20,000 dan cukai kena dibayar adalah sebanyak RM5,000. Tokoh Sdn Bhd menuntut potongan bagi bayaran RM1,000,000 tersebut.

Dalam suatu lawatan audit cukai pada Oktober 2013, penemuan audit menunjukkan bahawa Tokoh Sdn Bhd membuat potongan dalam BNCP yang telah difailkan walaupun cukai pegangan tidak dipotong dan diremitkan. LHDNM memaklumkan kepada Tokoh Sdn Bhd agar membayar cukai pegangan sebanyak RM100,000 (10% daripada RM1,000,000) tetapi Tokoh Sdn Bhd gagal untuk berbuat demikian.

Jumlah perbelanjaan perkhidmatan teknikal sebanyak RM1,000,000 tidak dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan mengikut perenggan 39(1)(j), ACP 1967. Satu taksiran tambahan dikeluarkan pada 30.10.2013 dan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 dikenakan untuk BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul.

<b>Tahun Taksiran 2012</b>	<b>RM</b>
<b>Taksiran Disifatkan</b>	
Cukai kena dibayar (RM20,000 x 25%)	5,000
<b>Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)</b>	
Pendapatan bercukai	20,000
Tambah:	
Bayaran teknikal	<u>1,000,000</u>
Pendapatan bercukai dilaraskan	<u>1,020,000</u>
Cukai kena dibayar (RM1,020,000 X 25%)	255,000
Tolak:	
Cukai asal yang kena dibayar	<u>5,000</u>
Cukai yang terkurang	250,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 (100% cukai terkurang)	<u>250,000</u>
Cukai tambahan yang kena dibayar	<u>500,000</u>

Cukai pegangan yang gagal dibayar oleh Tokoh Sdn Bhd sebanyak RM100,000 akan dinaikkan sebanyak RM10,000 (10% dari RM100,000) di bawah subseksyen 109B(2), ACP 1967. Jumlah keseluruhan RM110,000 (cukai pegangan RM 100,000 + amaun kenaikan RM10,000) merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan. Tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPHDN menurut subseksyen 106(1), ACP 1967 untuk memungut amaun cukai pegangan dan kenaikan cukai yang belum dibayar.

Jika cukai pegangan dan penalti di bawah 109B(2), ACP 1967 dibayar kemudian, penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 dikekalkan memandangkan BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul telah difailkan pada 1.7.2013.

### **Contoh 30**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 29 kecuali Tokoh Sdn Bhd membayar cukai pegangan dan penalti berjumlah RM110,000 (cukai pegangan RM100,000 + amaun dinaikkan RM10,000) pada 30.11.2013 selepas menerima taksiran tambahan.

Taksiran tambahan bertarikh 30.10.2013 akan dipinda dan taksiran kurangan akan dikeluarkan. Walau bagaimanapun Tokoh Sdn Bhd masih dikenakan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 kerana

memfailkan BNCP yang tidak dilaporkan dengan betul bagi tahun taksiran 2012 [subseksyen 39(1)(j), ACP 1967].

<b>Tahun Taksiran 2012</b>	<b>RM</b>
<b>Taksiran Tambahan (selepas diaudit oleh LHDNM)</b>	
Cukai tambahan	250,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 (100% cukai terkurang)	<u>250,000</u>
Cukai tambahan yang kena dibayar	<u>500,000</u>
<b>Taksiran Kurangan (selepas cukai pegangan dibayar pada 30.11.2013)</b>	
Pendapatan bercukai dilaraskan	1,020,000
Tolak:	
Fi teknikal yang dibayar	<u>1,000,000</u>
	<u>20,000</u>
Cukai yang dikenakan (RM20,000 X 25%)	5,000
Penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 (dipinda)	<u>5,000</u>
Cukai kena dibayar	10,000
Tolak:	
Cukai dibayar pada 30.10.2013	<u>505,000</u>
Cukai yang dilepaskan	<u>495,000</u>

### Contoh 31

Fakta adalah sama seperti di Contoh 29 kecuali terdapat klausa di dalam perjanjian di antara Tokoh Sdn Bhd dan Powerplant Pte Ltd yang menyatakan Tokoh Sdn Bhd akan dikenakan faedah 5% ke atas apa-apa amaun yang tidak dibayar kepada Powerplant Pte Ltd sebelum 30.8.2012. Tokoh Sdn Bhd membayar kepada Powerplant Pte Ltd sebanyak RM1,050,000 (amaun perkhidmatan RM1,000,000 + 5% faedah lewat bayar RM50,000) pada 30.12.2012. Tokoh Sdn Bhd tidak membuat potongan dan meremitkan cukai pegangan yang terhutang dan kena dibayar.

Jumlah perbelanjaan perkhidmatan teknikal sebanyak RM1,000,000 tidak akan dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan bagi tahun taksiran berkenaan menurut perenggan 39(1)(j) ACP 1967. Bayaran 5% untuk faedah lewat bayar sebanyak RM50,000 kepada Powerplant Pte

Ltd oleh Tokoh Sdn Bhd adalah potongan yang tidak dibenarkan di bawah 39(1)(b) ACP 1967.

Taksiran tambahan akan dikeluarkan dan penalti di bawah subseksyen 113(2), ACP 1967 akan dikenakan seperti yang ditunjukkan di Contoh 28.

Cukai pegangan adalah sebanyak 10% daripada bayaran kasar perkhidmatan teknikal berjumlah RM1,000,000. Tiada cukai pegangan dikenakan ke atas pembayaran 5% bagi faedah lewat bayar (RM50,000). Cukai pegangan sebanyak RM100,000 yang gagal dibayar oleh Tokoh Sdn Bhd akan dinaikkan sebanyak RM10,000 (10% dari RM100,000). Jumlah keseluruhan RM110,000 (cukai pegangan RM100,000 + amaun dinaikkan RM10,000) merupakan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

16.5 Mulai 1.1.2012, menurut subseksyen 39(3), ACP 1967, jika pembayar menikmati pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan daripada semua sumber untuk tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di bawah –

- (a) Akta Penggalakan Pelaburan 1986,
- (b) perenggan 127(3)(b), ACP 1967, atau
- (c) subseksyen 127(3A), ACP 1967

gagal untuk membayar cukai pegangan ke atas perbelanjaan yang ditanggung dan dibayar kepada bukan pemastautin berkaitan dengan –

- (i) faedah atau royalti di bawah seksyen 109, ACP 1967,
- (ii) bayaran kontrak di bawah seksyen 107A, ACP 1967, atau
- (iii) apa-apa bayaran di bawah seksyen 109B atau 109F, ACP 1967

potongan yang tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(f), 39(1)(i) atau 39(1)(j), ACP 1967 tidak terpakai kepada pembayar di atas.

Walau bagaimanapun, potongan tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(f), 39(1)(i) atau 39(1)(j), ACP 1967 masih terpakai kepada pembayar yang menikmati pengecualian cukai pendapatan bersamaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan atau pembayar yang tidak mempunyai pendapatan bercukai (mengalami kerugian).

### Contoh 32

Syarikat A mengemukakan permohonan untuk pengecualian cukai atas pendapatan di bawah subseksyen 127(3A), ACP 1967 kepada Menteri Kewangan. Pengecualian cukai atas pendapatan berkanun

syarikat diluluskan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 127(3A), ACP 1967 dalam tahun 2012 untuk tempoh 5 tahun mulai daripada tahun taksiran 2012. Syarikat A membayar fi perkhidmatan teknikal berjumlah RM 50,000 kepada Syarikat B di Indonesia pada 30.6.2012 tanpa meremitkan apa-apa bayaran cukai pegangan. Syarikat A menuntut potongan untuk fi perkhidmatan teknikal dalam akaun untung rugi bagi tahun berakhir 31.12.2012.

**Pengiraan Pendapatan Yang Dikecualikan  
Tahun Taksiran 2012**

<b>Butiran</b>	<b>Layanan Cukai Berkuat kuasa Mulai 1.1.2012 RM</b>	<b>Layanan Cukai Sebelum 1.1.2012 (Untuk Tujuan Perbandingan Sahaja) RM</b>
Pendapatan larasan (selepas audit)	500,000	500,000
Tambah: Yuran perkhidmatan teknikal [perenggan 39(1)(j)]	Tiada	50,000
Pendapatan larasan Tolak:	500,000	550,000
Elaun modal	<u>100,000</u>	<u>100,000</u>
Pendapatan Berkanun	<u>400,000</u>	<u>450,000</u>
Pendapatan yang dikecualikan	400,000	450,000
Pendapatan yang dikecualikan (dikreditkan ke dalam Akaun Pengecualian)	400,000	450,000

Dalam tahun taksiran 2012 Syarikat A menikmati pengecualian cukai sepenuhnya di bawah subseksyen 127(3A), ACP 1967 dan telah gagal meremitkan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967. Oleh itu, mengikut subseksyen 39(3), ACP 1967 bayaran perkhidmatan teknikal sebanyak RM50,000 kepada Syarikat B di Indonesia tidak akan ditambah balik dalam pengiraan cukai.

Perlu diambil perhatian bahawa cukai pegangan berjumlah RM5,000 yang syarikat A gagal membayar akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000) di bawah subseksyen 109B(2), ACP 1967.

Jumlah keseluruhan RM5,500 (cukai pegangan RM5,000 + amaun dinaikkan RM500) merupakan hutang kepada Kerajaan. Tindakan undang-undang boleh diambil oleh KPHDN menurut subseksyen 106(1), ACP 1967 untuk memungut amaun cukai pegangan dan kenaikan cukai yang belum dibayar.

### **Contoh 33**

Syarikat X, sebuah syarikat berteknologi tinggi dibenarkan elaun cukai pelaburan (ECP) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 pada 30.11.2012 untuk 5 tahun (seperti ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia). Syarikat X mula beroperasi pada 1.2.2012 dan tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember.

Syarikat X membayar fi teknikal sebanyak RM200,000 kepada Syarikat Y di United Kingdom pada 1.6.2012 tanpa meremitkan cukai pegangan. Syarikat X layak menuntut ECP berjumlah RM6,000,000 (60% daripada RM10,000,000 yang dilakukan atas perbelanjaan modal) bagi tahun takisran 2012. Syarikat X dibenarkan pengecualian cukai sebanyak 100% daripada pendapatan berkanunnya.



**Pengiraan Pendapatan Yang Dikecualikan  
Tahun Taksiran 2012**

Butiran	Layanan Cukai Berkuat kuasa Mulai 1.1.2012 RM
Pendapatan larasan (selepas audit)	350,000
Tambah:	
Yuran perkhidmatan teknikal [perenggan 39(1)(j)]	Tiada
Pendapatan larasan	<u>350,000</u>
Tolak:	
Elaun modal	<u>100,000</u>
Pendapatan Berkanun	250,000
Tolak:	
ECP (atas 100% pendapatan berkanun)	<u>250,000</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>
ECP 6,000,000	
Tolak:	
ECP diserap <u>250,000</u>	
ECP tidak diserap di h/h <u>5,750,000</u>	
Pendapatan yang dikecualikan	250,000
Amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Pengecualian	250,000

Syarikat X dibenarkan ECP dan gagal meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% daripada RM200,000) bagi tahun taksiran 2012. Memandangkan ECP yang dibenarkan adalah pengecualian sepenuhnya atas pendapatan berkanun, bayaran berjumlah RM200,000 berkaitan fi teknikal yang dibayar kepada Syarikat Y di United Kingdom tidak akan ditambah balik dalam pengiraan cukai (subseksyen 39(3), ACP 1967).

### Contoh 34

Syarikat M dibenarkan elaun cukai pelaburan (ECP) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 pada 30.11.2012 untuk 5 tahun (seperti ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia). Syarikat M mula beroperasi pada 1.2.2012 dan tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember.

Syarikat M membayar fi teknikal sebanyak RM200,000 kepada Syarikat F di United Kingdom pada 1.6.2012 tanpa meremitkan cukai pegangan. Syarikat M layak menuntut ECP berjumlah RM6,000,000 (60% daripada RM10,000,000 yang dilakukan atas perbelanjaan modal) bagi tahun takisran 2012. ECP terhad kepada 70% daripada pendapatan berkanun Syarikat M.

**Pengiraan Pendapatan Yang Dikecualikan  
Tahun Taksiran 2012**

Butiran	Layanan Cukai Berkuat kuasa Mulai 1.1.2012 RM
Pendapatan larasan (selepas audit)	350,000
Tambah:	
Yuran perkhidmatan teknikal [perenggan 39(1)(j)]	200,000
Pendapatan larasan	<u>550,000</u>
Tolak:	
Elaun modal	<u>100,000</u>
Pendapatan Berkanun	450,000
Tolak:	
ECP (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)	<u>315,000</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>135,000</u>
Cukai kena dibayar (RM135,000 @25%)	<u>31,250</u>
ECP 6,000,000	
Tolak:	
ECP diserap <u>315,000</u>	
ECP tidak diserap di h/h <u>5,685,000</u>	
Pendapatan yang dikecualikan	315,000
Amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Pengecualian	315,000

Syarikat M dibenarkan ECP dan gagal meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% daripada RM200,000) bagi tahun taksiran 2012. Memandangkan ECP yang dibenarkan bukan pengecualian sepenuhnya atas pendapatan berkanun, bayaran berjumlah RM200,000 berkaitan fi teknikal yang dibayar kepada Syarikat F di United Kingdom tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(j), ACP 1967 (subseksyen 39(3), ACP 1967).

**Example 35**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 34 kecuali Syarikat M mengalami kerugian larasan bagi tahun taksiran 2012.

**Pengiraan Pendapatan Yang Dikecualikan  
Tahun Taksiran 2012**

Butiran	Layanan Cukai Berkuat kuasa Mulai 1.1.2012 RM
Kerugian larasan (selepas audit)	(350,000)
Tambah:	
Yuran perkhidmatan teknikal [perenggan 39(1)(j)]	200,000
Kerugian larasan (h/h)	<u>(150,000)</u>
Elaun modal	
Tahun semasa 100,000 (h/h)	<u>Tiada</u>
Pendapatan Berkanun	
Tolak:	
ECP (terhad kepada 70% pendapatan berkanun)	<u>Tiada</u>
Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>
ECP 6,000,000	
Tolak:	
ECP diserap <u>Tiada</u>	
ECP tidak diserap di h/h <u>6,000,000</u>	
Pendapatan yang dikecualikan	Tiada
Amaun yang dikreditkan ke dalam Akaun Pengecualian	Tiada

Memandangkan Syarikat M tidak mempunyai pendapatan bercukai (mengalami kerugian) dan tidak meremitkan cukai pegangan sebanyak RM20,000 (10% daripada RM200,000) bagi tahun taksiran 2012, bayaran berjumlah RM200,000 berkaitan fi teknikal yang dibayar kepada Syarikat F di United Kingdom tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(j), ACP 1967 (subseksyen 39(3), ACP 1967).

16.6 Jika pembayar membuat pembayaran kepada orang tidak pemastautin dan tidak memotong cukai pegangan tetapi bersetuju membayar sendiri amaun cukai pegangan yang patut dipotong kepada KPHDN, pembayar boleh mendapatkan kembali amaun cukai pegangan daripada orang tidak bermastautin tersebut [perenggan 109B(3)(b), ACP 1967].

#### 17. **Rayuan Oleh Pembayar Atas Bayaran Cukai Pegangan**

Mulai 1.1.2013 pembayar yang kena membayar cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 boleh merayu kepada Pesuruhjaya Khas sekiranya asas rayuan pembayar adalah bayaran cukai pegangan tidak kena dibayar di bawah ACP 1967. Rayuan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh amaun perlu dibayar kepada KPHDN.

Walau bagaimanapun, rayuan tidak boleh dibuat oleh pembayar di bawah keadaan berikut:

- (a) orang bukan pemastautin telah menfailkan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas berhubung dengan bayaran di bawah seksyen 4A, ACP 1967 yang berkaitan dengan cukai pegangan,
- (b) bayaran di bawah seksyen 4A, ACP 1967 kepada orang bukan pemastautin telah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 39, ACP 1967 dalam pengiraan pendapatan larasan, atau
- (c) cukai pegangan yang kena dibayar tidak dibayar kepada KPHDN oleh pembayar.

[seksyen 109H, ACP 1967]

#### 18. **Pemeriksaan Transaksi**

KPHDN mempunyai hak untuk memeriksa sesuatu kedudukan urusan dengan lebih terperinci di mana keadaan memerlukan sedemikian.

#### 19. **Penjelasan Mengenai Tarikh Akhir Bayaran**

Jika hari terakhir bagi tempoh pembayaran untuk meremitkan bayaran jatuh pada hari cuti mingguan atau hari cuti umum di Malaysia, maka tempoh pembayaran adalah pada hari bekerja berikutnya. Dalam erti kata lain, jika tarikh akhir pembayaran cukai pegangan jatuh pada hari pelepasan (seperti hari Sabtu dan Ahad di Kuala Lumpur atau Jumaat dan Sabtu di Terengganu) atau cuti umum di Malaysia, maka hari berikutnya akan dianggap sebagai tarikh akhir bayaran perlu dibuat.

### Contoh 36

Maxwell Malaysia Bhd, syarikat di Kuala Lumpur telah membayar yuran teknikal sebanyak RM150,000 kepada Sconil Co. Ltd pada 28.2.2013 untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Maxwell Malaysia Bhd perlu meremitkan cukai pegangan yang telah dipotong sebanyak RM15,000 kepada KPHDN dalam tempoh masa sebulan dari tarikh yuran teknikal dibayar kepada Sconil Co Ltd, iaitu pada tarikh 30.3.2013 (Sabtu).

Memandangkan tarikh akhir untuk membuat bayaran (30.3.2013) jatuh pada hari Sabtu, yang merupakan hari cuti mingguan di Kuala Lumpur, maka hari bekerja berikutnya, Isnin (1.4.2013) merupakan tarikh akhir untuk membuat bayaran.

## 20. Glosari

- 20.1 “Mengkredit” berhubung dengan sejumlah amaun bermakna lebih daripada satu catatan jurnal atau satu akruan bagi liabiliti dalam akaun pembayar dan sejumlah amaun adalah dianggap sebagai telah dikreditkan jika amaun tersebut ada untuk atau bagi manfaat penerima yang tidak bermastautin.
- 20.2 “Mengkredit dalam situasi kontra” bermakna suatu situasi yang mana amaun tersebut boleh diperolehi untuk mengimbangkan mana-mana amaun yang terhutang oleh penerima yang tidak bermastautin dalam rekod syarikat.
- 20.3 “Orang yang bermastautin” adalah orang yang bermastautin di Malaysia bagi suatu tahun asas untuk suatu tahun taksiran seperti mana ditentukan di bawah seksyen 7 dan 8, ACP 1967
- 20.4 “Orang yang tidak bermastautin” berhubung dengan penerima, adalah orang yang selain daripada orang yang bermastautin.
- 20.5 “Tarikh mengkredit” merujuk kepada tarikh amaun itu dibayar atau tarikh amaun itu dikreditkan ke dalam akaun bank penerima atau tarikh berlakunya satu catatan kontra.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**